



Bil : (40)KPFMB/PO(KA)/02

Tarikh : 11 Jun 2025

Anggota-anggota Lembaga,
Anggota-anggota Perwakilan Individu,
Anggota-anggota Perwakilan Koperasi Anggota

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-44 MENGIKUT KEPERLUAN UNDANG-UNDANG KECIL 30.

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) akan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 (MAPT Ke-44) pada ketetapan berikut:

Tarikh : 26 Jun 2025 (Khamis)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati,
Kuala Lumpur
Pautan Lokasi : <https://mapt.kpf.my/lokasi>
<https://mapt.kpf.my/lokasiwaze>
Medium : Hibrid (Fizikal dan Dalam Talian "Aplikasi Zoom")

2. MAPT Ke-44 ini akan disertai oleh 1,375 perwakilan daripada 43 kawasan/wilayah FELDA di seluruh negara. Mesyuarat akan membentangkan sebanyak 14 agenda seperti berikut:

Agenda 1:

Memilih Enam (6) Anggota Perwakilan Dan Empat (4) Anggota Lembaga Sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44.

Agenda 2:

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-43 Yang diadakan Pada 11 Julai 2024.

Agenda 3:

Membentang Dan Meluluskan Laporan Lembaga Tahun 2024 Berserta Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

Agenda 4:

Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

Agenda 5:

Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

Agenda 6:

Meluluskan Cadangan Bayaran Honorarium Lembaga Dan Yuran Tahunan Lembaga Pengarah Dalam Subsidiari Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

Agenda 7:

Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Serta Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Bagi Sesi 2025/2026.

Agenda 8:

Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Penubuhan Subsidiari.

Agenda 9:

Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Bajet 2025 Dan Bajet 2026.

Agenda 10:

Memilih Tiga Anggota Lembaga Dan Mengesahkan Pelantikan Tiga Anggota Lembaga Yang Dicalonkan Oleh Lembaga FELDA Sesi 2025/2026.

Agenda 11:

Meluluskan Pelantikan Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.

Agenda 12:

Membentang Dan Menimbangkan Pemakaian Undang-Undang Kecil Seragam Dan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi.

Agenda 13:

Membentang Dan Menimbang:

- (a) Aturan Pengeluaran Modal Syer; dan
- (b) Aturan Khairat Kematian (Pindaan).

Agenda 14:

Membentang Dan Menimbang Usul-Usul Perwakilan.

3. Atur cara majlis akan berlangsung seperti berikut:

- 7.30 pagi : Pendaftaran perwakilan dan pengundian sistem e-undi melalui pautan <https://agmexpert.com/kpf>
- 9.15 pagi : Ketibaan tetamu jemputan
- 9.30 pagi : Upacara Perasmian MAPT Ke-44
- 10.30 pagi : MAPT Ke- 44 berlangsung
- 1.00 petang : Penangguhan MAPT Ke-44 dan bersurai

4. Sukacita YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan (Perwakilan) yang memilih kehadiran secara dalam talian dimohon untuk menggunakan peranti yang sesuai seperti telefon pintar atau komputer atau tablet dan mempunyai capaian internet yang stabil serta mempunyai akaun aplikasi *Zoom*. Manakala perwakilan yang memilih kehadiran secara fizikal hendaklah mendaftar di kaunter yang telah disediakan di Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati, Kuala Lumpur. Tarikh akhir pengemaskinian berkaitan kaedah kehadiran adalah sebelum atau pada **Khamis 19 Jun 2025** melalui pautan <http://umum.kpf.my/survey>.

5. Bagi melancarkan perjalanan MAPT Ke-44, beberapa sesi raptai bersama YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan akan diadakan sebelum mesyuarat berlangsung. Jadual raptai akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui Kumpulan WhatsApp Perwakilan.

6. Kertas Agenda MAPT Ke-44, Manual Panduan Perwakilan, Penyata Kewangan 2024 Dan Borang Soalan berkaitan agenda mesyuarat (*Google Form*) disediakan secara digital (format PDF) yang boleh dimuat turun melalui pautan atau kod QR seperti berikut:



<https://mapt.kpf.my>

7. Sebarang pertanyaan berkaitan MAPT Ke-44 ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi urusetia melalui aplikasi Kumpulan WhatsApp Perwakilan atau e-mel ke kpfanggota@felda.net.my.

“BERSAMA MENERUSKAN KECEMERLANGAN & KEGEMILANGAN”

Sekian,

Yang benar

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD


(**MOHD HELMI FAKHZAN ABD WAHAB**)
Setiausaha

s.k Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pengarah Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Suruhanjaya Koperasi Malaysia